

17 JUL 1999

Samy-Pengundi

ISU KUMPULAN WANG BURUH INDIA SELATAN TIDAK JEJASKAN UNDI INDIA

KUALA LUMPUR, 18 Julai (Bernama) -- Isu Lembaga Kumpulan Wang Buruh India Selatan tidak akan menjejaskan undi para pengundi India pada pilihan raya umum akan datang, kata presiden MIC Datuk Seri S Samy Vellu, hari ini.

"Saya tahu tentang pengundi-pengundi India dan saya juga tahu mereka yang buat kacau," katanya ketika diminta mengulas mengenai kesan isu itu terhadap perasaan masyarakat India.

Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya, berkata masyarakat India secara umumnya tahu bahawa langkah kerajaan membubarkan tabung itu memberi manfaat kepada mereka.

"Saya tidak pernah mengkhianati masyarakat India sepanjang 20 tahun saya di dalam Kabinet dan 26 tahun dalam Parliament," katanya selepas perasmian seminar pegawai-pegawai penerangan MIC, di sini.

Dewan Rakyat pada Selasa lepas, meluluskan Rang Undang-undang Lembaga Kumpulan Wang Buruh India Selatan (Pembubaran) 1999 untuk membubarkan tabung itu yang diwujudkan pada 1958 walaupun terdapat bantahan dari sesetengah kumpulan yang mendakwa masyarakat India akan rugi jika tabung itu dibubarkan.

Mengenai keengganan sesetengah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) India untuk menemuinya berhubung isu itu, Samy Vellu berkata presiden Kelab Belia Bell Malaysia RRM Krishnan dan pertubuhan itu sedang diselewengkan oleh pihak pembangkang.

Beliau menuduh pihak pembangkang menghasut masyarakat India bagi memenuhi kepentingan mereka.

"You tak hadir you punya pasal lah...ia mereka (pertubuhan) mahu menyertai pembangkang, silakan lah," katanya.

Bagaimanapun, Krishnan dilaporkan berkata bahawa sebanyak 16 NGO mahu berjumpa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan tidak berminat menemui Samy Vellu kerana mereka mendakwa Samy Vellu tidak serius mengenai perkara itu.

Terdahulu dalam ucapan perasmian, Samy Vellu berkata isu pembubaran tabung itu telah diputarbelitkan oleh pihak pembangkang.

Beliau berkata tugas utama pegawai penerangan ialah untuk menerangkan program-program serta dasar perjuangan parti kepada rakyat dan menangkis berbagai tuduhan yang dilemparkan pembangkang menjelang pilihanraya.

-- BERNAMA

gm NAK